

# KAMUS KPI 2022



<https://app.mypolycc.edu.my/persist>

# PENGESAHAN

**PENGESAHAN KAMUS KPI 2022  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**Disediakan oleh:  
UNIT KECEMERLANGAN INSTITUSI  
BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN**

**Disemak oleh:**



.....  
**Ts. ABDUL RAZAK BIN SABTU** DSM, BKT, PJK  
**PENGARAH**

**BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**Tarikh:** 10/12/2021

**Disahkan oleh:**



.....  
**Ts. ZAINAB BINTI AHMAD,**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**Tarikh:** 15/12/2021

# ISI KANDUNGAN

Visi dan Misi .....	04
Carta Organisasi .....	05
Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti .....	06
Pernyataan KPI 2022 .....	07
Garis Masa Pengisian Data .....	09
Peranan Pegawai .....	10
Kategori Institusi .....	11
KPI 1 .....	12
KPI 2 .....	14
KPI 3 .....	17
KPI 4 .....	19
KPI 5 .....	21
KPI 6 .....	23
KPI 7 .....	25
KPI 8 .....	27
KPI 9 .....	29
KPI 10 .....	32
KPI 11 .....	34
KPI 12 .....	36
KPI 13 .....	39
KPI 14 .....	41
KPI 15 .....	43
KPI 16 .....	45
KPI 17 .....	47
KPI 18 .....	49
KPI 19 .....	51
KPI 20 .....	53
KPI 21 .....	55
KPI 22 .....	57
KPI 23 .....	61
KPI 24 .....	63
KPI 25 .....	65
Wajaran .....	67
Sidang Redaksi .....	68
Daftar Singkatan .....	69

# VISI

**MENJADI PENERAJU INSTITUSI  
TVET YANG UNGGUL**  
TO BE THE LEADING-EDGE TVET  
INSTITUTION

# MISI

**Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf**

To provide wide access to quality and recognized TVET programmes

**Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat**

To empower communities through lifelong learning

**Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang**


To develop holistic, entrepreneurial and balanced graduates

**Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan**

To capitalise on smart partnership with stakeholders

# CARTA ORGANISASI

## KETUA PENGARAH



# PELAN STRATEGIK POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

“Menjadi peneraju institusi  
TVET yang unggul”



Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf  
Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat  
Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang  
Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



PELAN STRATEGIK JPPKK 2018 - 2025

6 TERAS STRATEGIK

25 KPI JPPKK DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2022

13

KPI JABATAN

4

KPI JABATAN  
DAN INSTITUSI

8

KPI INSTITUSI

# PERNYATAAN KPI 2022

NO	PERNYATAAN KPI	PEMILIK PROSES	BAHAGIAN /UNIT
1.	Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti	Farah Hida binti Mohiddin	BKIK
2.	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	Mohamad Ali bin Hamzah	BAPP
3.	Bilangan pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan luar negara dalam program mobiliti	Ngah Fadzilah binti Abdul Jalil	BKTVET
4.	Bilangan pelajar yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	Mohd Farizul Irni bin Ismail (BAPP) En. Fareed bin Jaafar (BK)	BAPP & BK
5.	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	Mohd Farizul Irni bin Ismail	BAPP
6.	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	Nurizan binti Tahir	BGK
7.	Peratus institusi yang mencapai skor kecemerlangan sekurang-kurangnya 85%	Md Idris bin Isa	BGK
8.	Purata skor yang dicapai hasil daripada Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) atau e-PK&K di institusi	Nur Wahidah binti Harun	BGK
9.	Bilangan Centre Of Technology (COT) Politeknik diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%	Intan Maisarah binti Osman	BPPI
10.	Peratus institusi yang mencapai Overall Equipment Efficiency (OEE) berdasarkan skor melebihi 85%	Mazlaine binti Husain	PPICT
11.	Bilangan kertas pertimbangan atau kertas makluman di peringkat kementerian atau kebangsaan	Dr. Siti Nor Afzan binti Buyadi	BKTVET
12.	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa	Suriawati binti Mohd Fadzil	UKK
13.	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus	Hazwani binti Hamdzah	BKP
14.	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	Wan Hartiny binti Wan Abdul	BKP

# PERNYATAAN KPI 2022

NO	PERNYATAAN KPI	PEMILIK PROSES	BAHAGIAN /UNIT
15.	Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P64) yang disalur ke jabatan pada tahun semasa	Mohd Khusyairi Nakhouda bin Mohd Khalil	BPPI
16.	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	Nuraini binti Khalil	BKPK
17.	Peratus kurikulum program pengajian yang disemak semula berdasarkan perancangan tahunan	Dr. Noreen binti Kamarudin	BK
18.	Bilangan institusi yang dilawati untuk Penaziran Akademik (PeNA) dalam tahun semasa	Sr. Asuralyza binti Saleh	BIPD
19.	Bilangan slot Webinar TVET berfokuskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) TVET yang dilaksanakan secara dalam talian	Siti Fariza binti Mohamad Isa	BIPD
20.	Bilangan pensyarah yang ditauliah sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRIP) mengikut program pengajian pada tahun semasa	Noor Afzila binti Ngarisan	BPN
21.	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	Mahathir bin Johar	BKIK
22.	Bilangan penyertaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa	Wan Marina binti Wan Mohd Nowalid (BK) Dr. Hanida binti Abdullah (BKIK)	BK & BKIK
23.	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	Mohd Syahizan bin Shahabani	BAPP
24.	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa	Siti Zubaidah binti Ibrahim	PPI
25.	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa	Zunaidah binti Razali	PPI



# GARIS MASA

# PENGISIAN DATA



25 Mac 2022



24 Jun 2022




23 September 2022



16 Disember 2022

Tarikh Tutup Pengisian Data



26 Mac -  
7 April 2022



25 Jun -  
7 Julai 2022




24 September -  
6 Oktober 2022



17 Disember -  
27 Disember 2022

Validasi Data Pencapaian

# PERANAN PEGAWAI



- ▶ Unit Kecemerlangan Institusi (UKI) berfungsi sebagai penyelaras bagi penetapan, pemantauan dan pelaporan pencapaian KPI JPPKK.
- ▶ Penetapan KPI ini diterjemahkan ke dalam Sistem PERSIST yang mengandungi sasaran, pengisian data pencapaian oleh Penyelaras KPI institusi dan Pemilik Proses di jabatan.
- ▶ Pemilik Proses bertanggungjawab melaksanakan validasi data pencapaian institusi melalui Sistem PERSIST.
- ▶ Peranan pegawai bertanggungjawab bagi setiap KPI di institusi adalah seperti berikut:
  - memastikan pelaksanaan KPI mengikut perancangan Pemilik Proses di jabatan dan penetapan di dalam Kamus KPI JPPKK
  - menyerahkan data pencapaian mengikut KPI masing-masing kepada Penyelaras KPI
- ▶ Penyelaras KPI perlu mendapatkan data pencapaian daripada Pegawai Bertanggungjawab di institusi dan mengunci masuk ke dalam Sistem PERSIST.

# KATEGORI INSTITUSI

10

## POLITEKNIK PREMIER & APACC

- PIS
- PKB
- POLIMAS
- POLISAS
- PPD
- PSA
- PSAS
- PSP
- PUO
- PKS

21

## POLITEKNIK KONVENSIONAL

- PBD
- PBS
- PBT
- PBU
- PHT
- PJK
- PKK
- PKT
- PMJ
- PMK
- PMM
- PMS
- PMU
- PNS
- PSIS
- PSMZA
- PSS
- PTS
- PTSB
- PTSN
- PTSS

5

## POLITEKNIK METRO

- PMKL
- PMKU
- PMJB
- PMBS
- PMTG

30

## KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 1

- ARAU (CAW. KANGAR)
- BANDAR DARULAMAN (CAW. JERLUN)
- BANDAR PENAWAR (CAW. GELANG PATAH)
- BUKIT BERUANG
- CHENDEROH
- GERIK
- HULU LANGAT
- JASIN
- JELEBU
- JEMPOL
- KEPALA BATAS
- KUALA LANGAT (CAW. SEPANG)
- KUALA TERENGGANU (CAW. HULU TERENGGANU) (CAW. SETIU)
- KUANTAN
- LANGKAWI
- LEDANG
- MASJID TANAH
- PASIR GUDANG
- PASIR SALAK
- PAYA BESAR (CAW. MARAN)
- ROMPIN
- SABAK BERNAM
- SEBERANG JAYA
- SEGAMAT
- SEGAMAT 2
- SELANDAR
- SELAYANG
- SUNGAI PETANI
- SUNGAI SIPUT (CAW. LENGGONG)
- TAWAU

33

## KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 2

- AMPANG
- BAGAN DATUK
- BAGAN SERAI
- BALING
- BATU GAJAH
- BATU PAHAT
- BAYAN BARU
- BEAUFORT
- BENTONG
- BESUT
- HULU SELANGOR
- JERANTUT
- KELANA JAYA
- KLUANG (SIMPANG RENGAM)
- KOK LANAS
- KOTA MARUDU
- KUALA PILAH
- KUCHING
- KULIM
- LAHAD DATU
- MAS GADING
- MIRI
- PADANG TERAP
- PEKAN
- PENAMPANG
- REMBAU
- SARIKEI (CAW. SIBU)
- SIK
- TAIPING
- TAMBUNAN
- TAMPIN
- TELUK INTAN
- TEMERLOH

29

## KOLEJ KOMUNITI KLUSTER 3

- BANDAR BAHARU
- BANDAR TENGGARA
- BERA
- BETONG
- BUKIT MERTAJAM
- GOPENG
- JELI (CAW. TANAH MERAH)
- JERAI
- KEMAMAN
- KLANG
- KOTA MELAKA
- KOTA TINGGI
- KUALA KANGSAR
- LIPIS
- MANJUNG
- MUAR
- NIBONG TEBAL
- PAGOH
- PASIR MAS (CAW. RANTAU PANJANG)
- RAUB
- SANDAKAN
- SANTUBONG
- SEMPORNA
- SHAH ALAM
- TANGGA BATU
- TAPAH
- TASEK GELUGOR
- TANJUNG KARANG
- TANJUNG PIAI

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI

Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti

### Definisi Operasi:

Kebolehpasaran merujuk kepada graduan yang berstatus:

- Bekerja termasuk sebagai usahawan; atau
- Sedang melanjutkan pengajian; atau
- Sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; atau
- Sedang menunggu penempatan pekerjaan semasa kajian SKPG TVET dijalankan

Kajian SKPG TVET dijalankan pada pelajar yang telah tamat pengajian dan mendapat pengesahan Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Politeknik dan Kolej Komuniti. Pelajar/lulusan tersebut telah melepasi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan setelah tamat pengajian.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
87%	87%	87%	87%	87%	87%	87%

Nota:

KPI ini dikecualikan kepada institusi yang tiada graduan.

### Justifikasi:

Sasaran KPI merujuk kepada trend pencapaian kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti serta Pelan Tindakan bagi PPPM 2021-2025 (PT) dan turut berdasarkan kepada Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan IPT (2021-2026).

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan responden yang bekerja + melanjutkan pengajian + meningkatkan kemahiran + menunggu penempatan pekerjaan semasa tempoh kajian}}{\text{Jumlah keseluruhan responden dalam Kajian Pengesanan Graduan}} \times 100$$

Kadar responden yang perlu dicapai oleh setiap institusi adalah sebanyak 85%.

### Dokumen Bukti:

Laporan Kajian Pengesanan Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKIK  
Penyelaras KPI di institusi

# KPI 1: BKIK

BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI & KOMUNITI

PELAPORAN:

JABATAN & INSTITUSI

TAHUNAN

## Pegawai Bertanggungjawab:

JPPKK: Pemilik Proses di BKIK

Politeknik: Penyelaras Pengesanan Graduan

Kolej Komuniti: Penyelaras Pengesanan Graduan

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	90%	96.2%
2019	90%	97.0%
2020	80%	92.0%
2021	85%	93.1%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

# KPI 2: BAPP

BAHAGIAN AMBILAN & PEMBANGUNAN PELAJAR

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI

Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri

### Definisi Operasi:

Usahawan Graduan:

Graduan warganegara Malaysia (tidak termasuk graduan pascasiswazah) yang bekerja sendiri atau menjadi usahawan dalam tempoh 12 bulan selepas menamatkan pengajian (termasuk perniagaan secara dalam talian/luar talian).

Nota: Sumber data ialah daripada Unit Keusahawanan atau Unit Alumni atau Tracer Study.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
6%	6%	6%	6%	6%	6%	6%

Nota:

KPI ini dikecualikan kepada PTS dan Kolej Komuniti Jerantut

### Justifikasi:

- ▶ Dasar Keusahawanan Negara 2030
- ▶ PPPM 2015-2025 (PT) - Lonjakan 1 (Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang)
- ▶ Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025
- ▶ PSPKK 2018-2025 - Teras 1 (Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti)

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Jumlah lulusan warganegara Malaysia yang menceburi bidang keusahawanan/bekerja sendiri selepas tamat pengajian dalam tempoh 12 bulan.

*Denominator:* Jumlah keseluruhan lulusan warganegara Malaysia dalam tempoh 12 bulan.

### Dokumen Bukti:

Lampiran E2: Pelaporan Pencapaian Keseluruhan KPI Keusahawanan IPT bagi tahun 2022.

Maklumat Graduan IPT Menceburi Bidang Keusahawanan Selepas Menamatkan Pengajian bagi tahun 2022

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

# KPI 2: BAPP

BAHAGIAN AMBILAN & PEMBANGUNAN PELAJAR

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit Keusahawanan atau Pegawai Keusahawanan

Kolej Komuniti: Pegawai Keusahawanan

## Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK		KOLEJ KOMUNITI	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	3.5%	3.98%	3.5%	17.29%
2019	4.0%	4.85%	4.0%	7.70%
2020	5.0%	9.33%	5.0%	11.57%
2021	6.0%	7.40%*	6.0%	8.13%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

# KPI 2: BAPP

BAHAGIAN AMBILAN & PEMBANGUNAN PELAJAR

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Templat Dokumen Bukti:

LAMPIRAN E2

PELAPORAN PENCAPAIAN KESELURUHAN KPI KEUSAHAWANAN IPT BAGI TAHUN 2021  
MAKLUMAT GRADUAN IPT MENGEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN SELEPAS MENAMATKAN PENGAJIAN  
BAGI TAHUN 2022

BIL.	NAMA PELAJAR	NO. KAD PENGENALAN	JANTINA	STATUS BUMPUPTERA	BIDANG PENGAJIAN	NAMA PERNIAGAAN	PRODUK/ PERKHIDMATAN UTAMA	NO DAFTAR SSM/ IPT	JENIS MILIKAN PERNIAGAAN	KATEGORI PERNIAGAAN	PUNCA MODAL *Lain-lain (Geran/ Pinjaman/ Bantuan IPT/ Agensi/ Crowd Funding, etc)	LOKASI PERNIAGAAN (OPTIONAL)	TARIKH MULA PERNIAGAAN	LINK WEBSITE PERNIAGAAN
1														
2														
3														
4														
5														
6														
7														
8														
9														
10														
11														
12														
13														
14														
15														
16														
17														
18														
19														
20														
21														
22														
23														
24														
25														
26														
27														
28														
29														
30														
31														
32														
33														
34														
35														
36														
37														
38														
39														
40														
41														
42														
43														
44														
45														
46														
47														
48														
49														
50														



# KPI 3: BKT VET

BAHAGIAN KOORDINASI TVET

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI

Bilangan pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan luar negara dalam program mobiliti

### Definisi Operasi:

KPI ini memberi fokus bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Lonjakan 4 dan Lonjakan 8 daripada PPPM 2015–2025 (PT). KPI ini juga menyokong keperluan Objektif Strategik Teras 1 iaitu Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti dalam PSPKK 2018-2025 yang ditetapkan oleh JPPKK.

KPI ini menyasarkan bilangan pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan luar negara yang menyertai program mobiliti (*inbound* dan *outbound*) anjuran Politeknik, Kolej Komuniti atau institusi luar negara pada tahun semasa. Program dijalankan secara bersemuka atau dalam talian. Program mobiliti merujuk program yang melibatkan aktiviti seperti berikut:

- i - Aktiviti akademik
- ii - Pertukaran pelajar
- iii - Mobiliti/Mobiliti industri
- iv - Lawatan akademik
- v - *Summer/Winter Course*
- vi - *Familiarisation trip*
- vii - *Campus transfer*
- viii - Pertukaran budaya
- ix - Latihan industri
- x - Lain-lain aktiviti yang berkaitan

Tempoh pelaksanaan program sekurang-kurangnya satu (1) hari.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
500	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

1. BIT : Sebahagian Institusi Terlibat
2. Institusi yang terlibat akan dimaklumkan oleh BKT VET

### Justifikasi:

Sasaran KPI ditingkatkan berbanding tahun 2020 dengan pertimbangan peralihan fasa pandemik ke fasa endemik dan penetapan KPI berkaitan di bawah Lonjakan 8 PPPM 2015–2025 (PT) masih belum dimuktamadkan.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan luar negara yang menyertai program mobiliti (*inbound* dan *outbound*) secara bersemuka atau dalam talian di Politeknik, Kolej Komuniti atau institusi luar negara yang dikira pada tahun semasa (1 Januari – 31 Disember).

### Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Program Mobiliti

# KPI 3: BKTVET

BAHAGIAN KOORDINASI TVET

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKTVET

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Pengantarabangsaan

Kolej Komuniti: Penyelaras Pengantarabangsaan

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	-	500*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI

Bilangan pelajar yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

### Definisi Operasi:

1. Peringkat kejayaan atau penyertaan pelajar:
  - i - Negeri/Zon/Kebangsaan/Antarabangsa
  - ii - Anjuran Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta atau NGO (Non-Government Organization)
  - iii - Anjuran JPPKK/Politeknik/Kolej Komuniti:
    - a) Mencapai kejayaan dalam kategori terbuka (pertandingan yang disertai juga oleh peserta atau pelajar IPTA/IPTS/luar negara yang lain).
    - b) Pertandingan yang disertai merupakan platform pemilihan kepada pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi bagi mewakili Politeknik Malaysia, Kolej Komuniti Malaysia dan Malaysia.
2. Kemenangan, kecemerlangan atau anugerah dalam apa-apa program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis dengan memperoleh:
  - i. Pingat emas/perak/gangsa; atau
  - ii. Johan/naib johan; atau
  - iii. Tempat pertama/kedua/ketiga; atau
  - iv. Diplome; atau
  - v. Medallion for Excellence; atau
  - vi. Pingat Sanjungan; atau
  - vii. Anugerah Khas (Contoh: Olahragawan/Olahragawati/Tangan Emas/setara)
3. Kejayaan syarikat, perusahaan, inovasi atau projek perniagaan pelajar yang mendapat pembiayaan dalam pembangunan produk, inkubator, pemasaran, pemodal awal dan pemodal teroka.
4. Mewakili Malaysia dalam mana-mana program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis peringkat antarabangsa.
5. Bilangan pelajar:
  - i. Kategori individu - Seorang pelajar bagi satu kemenangan atau anugerah.
  - ii. Kategori berkumpulan - Setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan. Contoh: Satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga orang.
6. Kejayaan seorang pelajar diambil kira yang tertinggi sahaja dalam kategori atau bidang yang sama dalam pelbagai peringkat bagi tahun semasa. Contoh: Pelajar tersebut telah memenangi peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara, maka yang diambil kira adalah mewakili negara.
7. Kemenangan atau kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri dalam menyertai sebarang jenis program/acara/pertandingan/kejohanan/majlis peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan diambil kira sekiranya memberi impak menaikkan imej KPT/JPPKK/Politeknik/Kolej Komuniti.

# KPI 4: BAPP & BK

BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
BAHAGIAN KURIKULUM

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
130	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

1. SIT: Semua Institusi Terlibat
2. Institusi perlu melaporkan sebarang pencapaian dan kejayaan pelajar yang diperolehi.

## Justifikasi:

Berdasarkan kepada data pencapaian sebelum era pandemik dan juga peningkatan penganjuran program yang melibatkan penyertaan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

## Kaedah Pengukuran:

Bilangan pelajar:

- i. Kategori individu - Seorang pelajar bagi satu kemenangan atau anugerah.
- ii. Kategori berkumpulan - Setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan. Contoh: Satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga orang.

## Dokumen Bukti:

Laporan Kejayaan Pelajar

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BAPP dan BK

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai/Penyelaras di institusi yang terlibat secara langsung dengan program kejayaan pelajar (bergantung kepada ketetapan Pengarah institusi masing-masing).

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	40	184
2020	4	34
2021	-	40*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan September 2021.

## TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

### Pernyataan KPI

Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik

### Definisi Operasi:

1. Program Pembangunan Pelajar yang wajib dilaksanakan seperti berikut:

- i - Program Sukarelawan
- ii - Program pembangunan pelajar selain daripada perkara (i) di atas merujuk kepada kluster berikut:
  - a) Patriotisme
  - b) Perpaduan
  - c) Kepimpinan
  - d) Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris)
  - e) Kebudayaan, kesenian dan warisan
  - f) Kerohanian
  - g) Psikologi
  - h) Sukan dan rekreasi
  - i) Kesihatan
  - j) Kemahiran dan Inovasi
  - k) Kelab dan persatuan

(Rujuk Jadual 1: Pecahan bilangan program pembangunan pelajar yang perlu dilaksanakan oleh setiap institusi mengikut kategori)

2. Sekurang – kurangnya satu (1) program menggunakan kepakaran bidang (*niche area*) teknologi TVET institusi.

3. Pelaksanaan program di peringkat institusi/jabatan/negeri/zon/kebangsaan/antarabangsa.

### Sasaran:

PROGRAM	JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
		PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
SUKARELAWAN	350	3	3	2	2	1	1
LAIN-LAIN KLUSTER		2	2	1	1	1	1
JUMLAH		5	5	3	3	2	2

Jadual 1: Pecahan bilangan program pembangunan pelajar yang perlu dilaksanakan oleh setiap institusi mengikut kategori.

### Justifikasi:

Penetapan sasaran adalah berdasarkan perancangan dalam PPPM 2015-2025 (PT).

# KPI 5: BAPP

BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Kaedah Pengukuran:

Bilangan program pembangunan pelajar yang dilaksanakan merujuk kepada kluster yang telah dinyatakan.

## Dokumen Bukti:

Format laporan pelaksanaan program boleh dimuat turun melalui pautan berikut untuk dilengkapkan oleh Pegawai Bertanggungjawab sebelum diserahkan kepada Penyelaras KPI:

<https://bit.ly/FORMATLAPORANKPI>

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai/Penyelaras Pembangunan Pelajar di institusi atau pegawai yang terlibat secara langsung dengan program Pembangunan Pelajar (bergantung kepada ketetapan Pengarah institusi masing-masing).

## Trend Pencapaian:

Pernyataan KPI ini merupakan pernyataan baharu yang dimurnikan dan akan dilaksanakan pada tahun 2022. Bagi tahun sebelum ini, pernyataannya adalah "Bilangan Program Sukarelawan Pelajar Bersama Komuniti". Sasaran dan pencapaian bagi pernyataan KPI sebelum ini adalah seperti berikut:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	128	128
2020	159	168
2021	-	108*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan September 2021.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

### Definisi Operasi:

Bilangan pengiktirafan merujuk kepada bilangan pengiktirafan yang diterima oleh Politeknik dan Kolej Komuniti yang disasarkan untuk menerima pengiktirafan/pensijilan/anugerah kecuali pengiktirafan akreditasi wajib program pengajian daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Pengiktirafan bermaksud penerimaan kelayakan/pensijilan/anugerah oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tertentu atau penerimaan sesuatu penghargaan bagi mengiktiraf pencapaian yang dibuat oleh Politeknik dan Kolej Komuniti yang terlibat.

Badan/agensi merujuk kepada mana-mana badan yang mengawal, menyelia dan mengesahkan standard/kriteria penilaian yang ditetapkan dan akan menjalankan tugas penilaian terhadap pematuhan institusi kepada standard berkenaan.

Agensi pemberi pengiktirafan: SIRIM, MAMPU, APACC, CDIO, IMO, CILT, Adobe International, City and Guilds, JPK (Pusat Bertauliah), HRDF dan lain-lain.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
60	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

1. SIT: Semua Institusi Terlibat
2. Digalakkan dan terbuka kepada institusi untuk mendapatkan pengiktirafan mengikut perancangan takwim tahunan namun tertakluk kepada peruntukan.

### Justifikasi:

Sasaran KPI mengambil kira kesediaan pengoperasian institusi berkenaan, jumlah staf dan pelajar, kemantapan dalam aspek jaminan kualiti serta faktor kos.

### Kaedah Pengukuran:

- 1) Sasaran dikira secara kumulatif.
- 2) Pengukuran melibatkan institusi yang mendapat pengiktirafan/pensijilan/anugerah pada tahun dinilai.
- 3) Pengukuran melibatkan tempoh pengiktirafan yang masih sah pada tahun dinilai.
- 4) Pengukuran menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh badan/agensi yang memberi pengiktirafan.

### Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian Pengiktirafan tahun 2022

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BGK

# KPI 6: BGK

BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN INSTITUSI

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Jaminan Kualiti di institusi

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	15	15
2019	17	17
2020	20	33
2021	50	50*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.



## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Peratus institusi yang mencapai skor kecemerlangan sekurang-kurangnya 85%

### Definisi Operasi:

Skor kecemerlangan yang wajar dicapai oleh institusi adalah sekurang-kurangnya 85% pada tahun semasa. Skor kecemerlangan merujuk kepada skor akhir yang diperoleh oleh institusi. KPI ini menasaskan 85% daripada keseluruhan Politeknik dan Kolej Komuniti mendapat skor kecemerlangan sekurang-kurangnya 85%. Skor ini akan dijana pada paparan papan pemuka dalam Sistem PERSIST di akhir sukuan Keempat. Pemantauan data pencapaian institusi dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan Sistem Pengurusan Prestasi KPI JPPKK (PERSIST).

Pelaksanaan semua KPI adalah mengikut sasaran yang berbeza-beza berdasarkan kategori institusi. Ini adalah bagi memastikan KPI dapat dilaksanakan dan dicapai mengikut kemampuan dan kapasiti operasi di institusi. Kategori tersebut adalah:

POLITEKNIK	KOLEJ KOMUNITI
Premier & APACC	Kluster 1
Konvensional	Kluster 2
METrO	Kluster 3

Adalah menjadi tanggungjawab Pengarah institusi dalam memastikan skor kecemerlangan sekurang-kurangnya 85%. Manakala tugas Penyelaras KPI pula untuk memastikan setiap KPI perlu dikemas kini pencapaian dan dokumen bukti yang sah mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
85%	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

SIT: Semua Institusi Terlibat

### Justifikasi:

KPI ini diwujudkan dengan mengambil kira keperluan Teras 2 iaitu Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan daripada PSPKK 2018-2025. Penetapan sasaran adalah bagi memastikan sebahagian besar institusi berada dalam tahap cemerlang.

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus institusi yang mencapai skor kecemerlangan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator*: Bilangan institusi yang mencapai Skor 85% ke atas

*Denominator*: Jumlah institusi

# KPI 7: BGK

BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN INSTITUSI

PELAPORAN:

JABATAN

TAHUNAN

## Dokumen Bukti:

Laporan Prestasi KPI JPPKK 2022

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BGK

## Pegawai Bertanggungjawab:

Penyelaras KPI di institusi

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	64%
2019	-	96%
2020	-	100%
2021	-	*

Nota:

\*Data pencapaian bagi tahun 2021 tidak boleh dikeluarkan secara rasmi kerana Sistem PERSIST masih belum ditutup serta data belum dianalisis ketika kamus ini dibuat.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Purata skor yang dicapai hasil daripada Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) atau e-PK&K di institusi

### Definisi Operasi:

Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) atau Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan secara dalam talian (e-PK&K) bagi skop Tadbir Urus Institusi merupakan usaha JPPKK untuk membantu institusi ke arah pemantapan pengurusan governan yang responsif melalui penambahbaikan berterusan daripada aspek kualiti penyampaian, produktiviti dan kecekapan yang mematuhi peraturan dan arahan yang sedang berkuat kuasa.

Pemantauan ini akan dinilai melalui dua (2) kaedah utama iaitu:

- i. Penilaian sendiri wajib dilaksanakan oleh semua Politeknik dan Kolej Komuniti.
- ii. Pemantauan institusi terpilih dilaksanakan secara bersemuka atau secara dalam talian bagi mengesahkan Laporan Penilaian Kendiri oleh institusi.

Nota: Skor yang perlu dicapai oleh setiap institusi adalah tidak kurang daripada 80%.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
80%	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

1. BIT : Sebahagian Institusi Terlibat
2. Institusi yang terlibat akan dimaklumkan oleh BGK

### Justifikasi:

Sasaran KPI merujuk kepada skor minimum yang perlu dicapai oleh setiap Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mencapai skor 80% bagi skop Tadbir Urus Institusi.

Berikut merupakan julat skor pencapaian yang diguna pakai untuk mengukur pencapaian kelancaran tadbir urus di setiap institusi:

Skor	Tahap
80 - 100	<i>Well Used</i> (dilaksana dengan matang dan telah dibudayakan)
65 - 79	<i>Creatively Develop</i> (dilaksana dengan baik)
50 - 64	<i>In Existance</i> (dilaksana tetapi tidak dikemas kini)
40 - 49	<i>Plan to Develop</i> (dalam perancangan pelaksanaan)
1 - 39	<i>Not Visible</i> (tidak dipamer/tidak dipraktik/tidak kelihatan)
0	<i>None</i> (tidak dilaksana/tidak wujud)

# KPI 8: BGK

BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN INSTITUSI

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung purata skor adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Jumlah skor skop Tadbir Urus Institusi yang dipantau pada tahun semasa

*Denominator:* Bilangan institusi yang dipantau pada tahun semasa

## Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian PK&K atau e-PK&K

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BGK

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA)

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP)

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	80%	86.91%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Bilangan Centre Of Technology (COT) Politeknik diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%

### Definisi Operasi:

KPI menyasarkan bilangan Centre Of Technology (COT) Politeknik yang telah diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80% pada tahun semasa. Penilaian ini dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh setiap COT terhadap tujuh (7) elemen utama COT iaitu Kolaborasi, Penyelidikan dan Inovasi, Perkhidmatan Kepakaran, Penerbitan, Pengiktirafan, Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dan Penjana Pendapatan mengikut kaedah pengukuran yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Centre Of Technology Edisi 2020. BPPI akan menentusahkan hasil penilaian ini berdasarkan kepada keperluan.

Definisi COT Politeknik diiktiraf:

Centre Of Technology (COT) di Politeknik yang telah melalui proses Audit Penilaian Panel Penilai Luar serta pengesahan kelulusan pengiktirafan sebagai 2 star rating COT Politeknik Malaysia daripada Mesyuarat Pengurusan JPPKK.

Rujukan: Garis Panduan Pelaksanaan Centre Of Technology Edisi 2020.

Institusi yang telah memperolehi Pengiktirafan COT dan terlibat dengan pengukuran ini:

1. PUO - Centre of Technology in Marine Engineering (CTME)
2. PUO - Centre of Air-conditioning and Refrigeration (CARE)
3. PSA - Centre for Medical Electronic Technology (CMET)
4. PIS - Creative Design Centre (CDeC)
5. PSAS – Polytechnic Centre of Automotive and Manufacturing Technology (POLCAM)
6. POLISAS - Centre of Food Science and Technology (CFoST)
7. POLIMAS - Centre of Town and Regional Planning (CToP)
8. PPD - Centre of Architectural Technology (CArT)
9. PTSB - Mechatronic Robotic Technology Centre (MRTC)
10. PMM - Centre of Tourism and Hospitality (CeTraH)
11. PSIS - Centre of Environmental Technology (CENTA)
12. PSMZA - Automotive Technology Centre (ATeC)

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
7	BIT	BIT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

1. BIT : Sebahagian Institusi Terlibat
2. ITT: Institusi Tidak Terlibat

# KPI 9: BPPI

BAHAGIAN PERANCANGAN PROGRAM DAN INSTITUSI

PELAPORAN:

JABATAN

TAHUNAN

## Justifikasi:

Penetapan KPI ini adalah berdasarkan hala tuju seperti berikut:

- i. WKB 2030 - (Teras Strategik 3: Modal Insan)
- ii. RMKe-12 - (Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan)
- iii. PPPM 2015-2025 (PT) - (Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti; Inisiatif 1: Meletakkan IPT mengikut Pelbagai Bentuk Kecemerlangan Institusi)
- iv. PSPKK 2018 - 2025 (Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan)
- v. Industry 4WRD (National Policy On Industry 4.0)

Penetapan KPI dan sasaran ini adalah berdasarkan prestasi terkini Centre Of Technology (COT) Politeknik Malaysia yang lebih bersedia dan fleksibel untuk melaksanakan aktiviti sama ada melalui kaedah fizikal atau secara dalam talian. COT juga sedang berada dalam fasa ke arah menjadi Advanced COT yang akan menyokong ekosistem pendidikan TVET dalam membangunkan bakat tersedia masa hadapan yang responsif industri melalui pelaksanaan aktiviti kolaborasi berimpak tinggi.

## Kaedah Pengukuran:

Setiap COT Politeknik diiktiraf perlu melaksanakan penilaian sendiri dan menghantar Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre Of Technology (COT) Politeknik kepada Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK. Berdasarkan laporan tersebut, BPPI akan menentusahkan prestasi pencapaian COT.

Elemen Penilaian dan Pemberatan Markah:

Bil.	Elemen	Markah maksimum
1.	Kolaborasi	20
2.	Penyelidikan dan Inovasi	40
3.	Perkhidmatan Kepakaran	
4.	Penerbitan	20
5.	Pengiktirafan	
6.	Pengajaran dan Pembelajaran	20
7.	Penjanaan Pendapatan	

Nota:

Maklumat terperinci kaedah pengukuran perlu dirujuk di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Centre Of Technology (COT) Politeknik Edisi 2020

## Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre Of Technology (COT) Politeknik

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BPPI

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Pembangunan Teknologi (PUO, PIS dan PSA)

Pengurus Centre Of Technology (PSAS, POLISAS, POLIMAS, PPD, PTSB, PMM, PSIS dan PSMZA)

# KPI 9: BPPPI

BAHAGIAN PERANCANGAN PROGRAM DAN INSTITUSI

PELAPORAN:

JABATAN

TAHUNAN

## Trend Pencapaian:

Terdapat perbezaan trend pencapaian bagi tahun 2018 sehingga 2021 kerana pernyataan berbeza-beza seperti berikut:

KPI 2018 - Bilangan COT yang diiktiraf

KPI 2019 - Bilangan institusi yang menjadi rujukan dalam bidang COT

KPI 2020 - Bilangan COT di institusi yang menjadi rujukan agensi luar

KPI 2021 - Bilangan Centre Of Technology (COT) Politeknik diiktiraf mendapat markah pencapaian melebihi 50%.

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	8	8
2019	5	5
2020	9	9
2021	7	7*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan Oktober 2021.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Peratus institusi yang mencapai Overall Equipment Efficiency (OEE) berdasarkan skor melebihi 85%

### Definisi Operasi:

Institusi yang mencapai skor Overall Equipment Efficiency (OEE) melebihi 85% diukur berdasarkan tadbir urus fasiliti serta peralatan meliputi produktiviti, kesediaan dan prestasi peralatan (*availability, productivity and quality*). Skor dan pengiraan OEE telah dipermudah melalui penggunaan Sistem Pengukuran Kecekapan Prasarana (eSPKP) di mana sistem tersebut telah mengaplikasikan teknik OEE dalam menentukan skor yang akan diperolehi oleh setiap peralatan dan institusi.

Melalui penggunaan teknik OEE, kemudahan prasarana dan kelengkapan peralatan penyampaian pembelajaran yang relevan di Politeknik dan Kolej Komuniti dapat dinilai dan diukur dengan lebih tepat dan berkesan.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
25%	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

SIT : Semua Institusi Terlibat

### Justifikasi:

Hasil semasa *preliminary studies* dan *first exercise* yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kaedah terbaik (*best practices*) adalah 25% -30% daripada bilangan institusi berjaya untuk mencapai OEE melebihi 85%. Oleh itu, sasaran dibuat berdasarkan keupayaan, jumlah institusi yang memiliki peralatan yang akan diukur dan prestasi semasa institusi.

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus institusi yang mencapai OEE adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator*: Jumlah institusi yang berjaya mencapai OEE melebihi 85%

*Denominator*: Jumlah keseluruhan institusi yang mempunyai peralatan yang diukur

### Dokumen Bukti:

Laporan Pencapaian OEE

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di PPICT



# KPI 10: PPICT

PASUKAN PETUGAS ICT

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Aset Institusi

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	25% (36 institusi)	42% (59 institusi)*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Bilangan kertas pertimbangan atau kertas makluman di peringkat kementerian atau kebangsaan

### Definisi Operasi:

KPI menasaskan bilangan Kertas Pertimbangan atau Kertas Makluman di peringkat kementerian/kebangsaan/antarabangsa yang disediakan oleh bahagian-bahagian di jabatan pada tahun semasa.

Kertas Pertimbangan merujuk kepada kertas yang menerangkan hala tuju strategik dan inisiatif yang telah dirancang untuk mencapai matlamat kementerian dan jabatan dalam mendepani isu dan cabaran masa hadapan serta sebagai asas untuk membuat atau melaksanakan sesuatu keputusan dasar kerajaan. Kertas pertimbangan terdiri daripada kertas kerja, kertas cadangan, kertas permohonan dan lain-lain. Kertas Pertimbangan juga boleh diangkat menjadi Memorandum Jemaah Menteri mengikut keperluan. Kertas ini diterima dan diambil kira selepas mendapat kelulusan di peringkat kementerian atau kabinet. Contoh Kertas Pertimbangan ialah Cadangan Pewartaan Yuran dan Caj Pelajar bagi Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Kertas Makluman merujuk kepada kertas yang merangkumi rancangan serta tindakan yang telah dipersetujui atau dilaksanakan secara rasmi. Kertas makluman ialah laporan ringkas yang mengandungi perkara untuk perhatian dan makluman ahli mesyuarat sahaja. Kertas Makluman juga boleh diangkat menjadi Nota Jemaah Menteri mengikut keperluan. Kertas ini diterima dan diambil kira selepas mendapat kelulusan di peringkat kementerian atau kabinet. Contoh Kertas Makluman ialah Pencapaian 20 Tahun Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
10	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

1. BIT: Sebahagian Institusi Terlibat
2. Institusi yang ingin menghantar Kertas Makluman atau Kertas Pertimbangan perlu melalui BKT VET (Rujuk Lampiran F1, G, H dan I dalam Panduan Penyediaan dan Penulisan Kertas Pertimbangan dan Kertas Makluman untuk Mesyuarat Pengurusan)

### Justifikasi:

KPI baharu ini diwujudkan dengan mengambil kira keperluan Teras 2 iaitu Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan daripada PSPKK 2018-2025.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan Kertas Pertimbangan atau Kertas Makluman yang dikira pada tahun yang dinilai (1 Januari – 31 Disember)

# KPI 11: BKT VET

BAHAGIAN KOORDINASI TVET

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Dokumen Bukti:

Ulasan Kertas Pertimbangan atau Kertas Makluman daripada bahagian-bahagian di JPPKK.  
(Rujuk Panduan Penyediaan dan Penulisan Kertas Pertimbangan dan Kertas Makluman untuk Mesyuarat Pengurusan)

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKT VET

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pemilik Proses di BKT VET

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	22
2019	-	11
2020	-	18
2021	5	5*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

KPI menyasarkan bilangan program/aktiviti/majlis yang dilaksanakan di peringkat jabatan/institusi. Terdapat empat (4) elemen bagi promosi dan publisiti di jabatan/institusi terdiri daripada:

1. Temubual/Hebahan/Penulisan Artikel di Media Konvensional (televisyen, radio dan surat khabar)
2. Program jelajah pendidikan/pameran promosi institusi/program rakaman atau secara langsung menerusi platform media sosial. (Contoh: Facebook Live)
3. Penerbitan (poster, infografik, video, e-buletin)
4. Program khas/lawatan/kunjungan hormat

Setiap program/aktiviti yang dilaksanakan perlu dihebah melalui media sosial rasmi jabatan/institusi.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
13,000 (UKK 120)	120	100	80	120	100	80

### Justifikasi:

Justifikasi sasaran KPI merujuk kepada trend pencapaian empat (4) tahun sebelum.

### Kaedah Pengukuran:

Kaedah pengukuran berdasarkan kepada bilangan program/aktiviti yang dihebahkan.

Sekiranya program/aktiviti berulang, kaedah pengukuran adalah mengambil kira satu (1) sahaja. Sebagai Contoh: Program Pilihanraya Kampus yang telah dimuat naik hebahan lebih dari sekali, kiraan bagi KPI adalah satu (1) program sahaja.

Hebahan/promosi daripada KPT, JPPKK atau mana-mana platform media massa/sosial yang dimuat naik/dikongsi oleh institusi juga tidak akan diambil kira.

### Dokumen Bukti:

Laporan Bulanan Hebahan Program/Aktiviti Melalui Media Sosial Rasmi

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di UKK

Penyelaras KPI di institusi

### Pegawai Bertanggungjawab:

JPPKK: Pemilik Proses di UKK

Politeknik: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)

Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Awam (PRO)/Pegawai Penerangan Awam (PRO)

# KPI 12: UKK

UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT

PELAPORAN:

JABATAN & INSTITUSI

SUKUAN

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	1,500	5,656
2019	41*	9,995
2020	60*	11,658
2021	11,440	12,214**

Nota:

\*Sasaran bagi tahun 2019 dan 2020 adalah merujuk kepada sasaran JPPKK manakala pencapaian merujuk kepada pencapaian JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti.

\*\* Data pencapaian dikemas kini sehingga November 2021

# KPI 12: UKK

UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT

PELAPORAN:

JABATAN & INSTITUSI

SUKUAN

## Templat Dokumen Bukti:



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Laporan Bulanan Hebahan Program/Aktiviti Melalui Media Sosial Rasmi  
Bulan \_\_\_\_\_ 2022

No	Perkara	Jumlah
1	Temu bual/Hebahan/Penulisan Artikel di Media Konvensional (Televisyen, Radio dan Surat Khabar)	
2	Program jelajah pendidikan/pameran promosi institusi	
3	Penerbitan (poster, infografik, video, e-buletin)	
4	Program khas/lawatan/kunjungan hormat	
	Jumlah bulanan :	

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus

### Definisi Operasi:

KPI menyasarkan pengumpulan data perbelanjaan mengurus mengikut bulanan bagi mengukur prestasi perbelanjaan secara keseluruhan pada tahun semasa. KPI yang disasarkan ialah 99%. Julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah 8.33% dan mencapai minimum 50% pada pertengahan tahun.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%

### Justifikasi:

Sasaran KPI merujuk kepada trend pencapaian peratus prestasi perbelanjaan Politeknik dan Kolej Komuniti serta berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.2). Semua inisiatif belanjawan yang diumumkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

### Kaedah Pengukuran:

Data diperolehi dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan yang diambil daripada Laporan Vot Dana iGFMAS.

1. Pemantauan

Pemantauan dalam aspek pengumpulan data dibuat pada 30 Jun dan akhir tahun selepas penutupan akaun

2. Pelaporan

Menggunakan Laporan Vot Dana daripada Sistem iGFMAS

### Dokumen Bukti:

Laporan Vot Dana B64 akhir tahun selepas penutupan akaun yang diambil daripada Sistem iGFMAS

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKP

Penyelaras KPI di institusi

### Pegawai Bertanggungjawab:

JPPKK: Pemilik Proses di BKP

Politeknik: Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan

Kolek Komuniti: Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan

# KPI 13: BKP

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PELAPORAN:

JABATAN & INSTITUSI

SUKUAN

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	99%	98.1%
2019	99%	99.6%
2020	99%	98.7%
2021	99%	89.4%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.



## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima

### Definisi Operasi:

Pembayaran bil dan tuntutan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada dokumen lengkap diterima pada tahun semasa. Pengiraan bil tujuh (7) hari adalah seperti berikut:

- i) Sistem ePerolehan:  
Daripada tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80)
- ii) Sistem iGFMAS:  
Daripada tarikh terima di Unit Kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (status 80)

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

### Justifikasi:

Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera dan tidak melebihi tujuh (7) hari daripada tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus prestasi pengurusan pembayaran bil adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Bilangan bil yang tidak melebihi tujuh (7) hari

*Denominator:* Jumlah keseluruhan bil

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui Sistem iGFMAS secara sukuan yang perlu dicetak oleh institusi dan dimuat naik dalam Sistem PERSIST adalah seperti berikut:

Sukuan 1: 1 Januari – 24 Mac

Sukuan 2: 1 Januari – 23 Jun

Sukuan 3: 1 Januari – 22 September

Sukuan 4: 1 Januari – 15 Disember

# KPI 14: BKP

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PELAPORAN:

JABATAN & INSTITUSI

SUKUAN

Bagi institusi yang mempunyai bil melebihi 14 hari secara automatik tidak akan divalidasi kerana telah melanggar AP103(a) kecuali institusi mempunyai justifikasi yang kukuh di mana justifikasi tersebut telah diterima oleh pihak KPT. Dokumen bukti yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut:

1. Surat justifikasi kelewatan institusi bersama dokumen sokongan yang dihantar ke KPT; dan
2. Surat jawapan dari KPT berkaitan justifikasi tersebut.

## Dokumen Bukti:

Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna melalui Sistem iGFMAS

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BKP  
Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

JPPKK: Pemilik Proses di BKP  
Politeknik: Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan  
Kolek Komuniti: Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	100%	99.35%
2019	100%	99.65%
2020	100%	99.42%
2021	95%	98.13%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan September 2021.

## TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

### Pernyataan KPI

Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P64) yang disalur ke jabatan pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Peratus prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan P64 adalah berdasarkan kepada peratus jumlah perbelanjaan sebenar berbanding jumlah peruntukan yang disalurkan pada tahun semasa (Waran P64) kepada jabatan dan institusi sebagai agensi yang melaksanakan projek pembangunan.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
90%	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT	SIT

Nota:

SIT: Semua Institusi Terlibat

### Justifikasi:

Perbelanjaan di institusi perlu mencapai sasaran 100% berdasarkan kepada perbelanjaan waran peruntukan pembangunan. Prestasi perbelanjaan di jabatan termasuk institusi melibatkan keseluruhan prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan (P64) KPT.

### Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus prestasi perbelanjaan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Belanja JANM

*Denominator:* Jumlah Peruntukan Waran P64

### Dokumen Bukti:

Laporan Vot (berdasarkan Sistem iFMAS)

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BPPI

### Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pengurus Projek Rancangan Malaysia

Kolej Komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan/Timbalan Pengurusan

# KPI 15: BPPPI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROGRAM DAN INSTITUSI

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	100%	100.00%
2019	100%	99.10%
2020	70%	96.98%
2021	85%	98.13%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

### Pernyataan KPI

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- i. Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan; atau
- ii. Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional.

Catatan:

- a. Pensyarah teras bidang:
  - i. Di Politeknik - adalah pensyarah yang ditempatkan mengikut pengisian waran di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian;
  - ii. Di Kolej Komuniti – adalah penyandang waran perjawatan pensyarah dan bukannya pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat mahu pun pensyarah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris/Agama sahaja.
- b. Kelayakan profesional/sijil profesional yang diambil kira adalah yang masih sah tempoh sehingga 31 Disember pada tahun semasa.
- c. Kelayakan profesional adalah gelaran profesional yang diiktiraf oleh badan profesional.
- d. Sijil Profesional bermaksud sijil kelayakan yang mendapat pengiktirafan daripada badan profesional/agensi/persatuan/industri yang dibenarkan membuktikan bahawa pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk melaksanakan tugas khusus dan tugas-tugas di mana mereka telah dilatih.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
35%	35%	35%	35%	35%	35%	35%

### Justifikasi:

Tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan serta memiliki kemahiran industri merupakan keperluan badan-badan akreditasi. Sehingga Oktober 2021, 30% daripada keseluruhan pensyarah di institusi memiliki kemahiran industri.

# KPI 16: BKPK

BAHAGIAN KOMPETENSI DAN PEMBANGUNAN KERJAYA

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus pensyarah adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator:* Jumlah pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun berkaitan

*Denominator:* Raten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang bulan Januari tahun berkaitan

## Dokumen Bukti:

Pegawai Latihan perlu menyediakan bahan bukti seperti jadual di bawah ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSIST) yang disediakan oleh Pemilik Proses.

BIL	DEFINISI OPERASI	DOKUMEN BUKTI
1.	Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan	Sijil SIP/Surat Tamat LSI
2.	Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional	Sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember tahun semasa

Seterusnya Penyelaras KPI hanya perlu memuat naik Rumusan Bahan Bukti yang telah disediakan oleh Pegawai Latihan Institusi ke dalam Sistem PERSIST.

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan

Kolej Komuniti: Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf

## Trend Pencapaian:

Penyataan KPI ini merupakan penyataan yang baharu dimurnikan dan diguna pakai mulai tahun 2021. Untuk tahun sebelum ini, penyataannya adalah "Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa". Sasaran dan pencapaian bagi KPI ini pada tahun terdahulu adalah seperti berikut:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	5%	4.85%
2019	5%	10.46%
2020	3.5%	12.55%
2021	30%	30%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan Oktober 2021.

## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### Pernyataan KPI

Peratus kurikulum program pengajian yang disemak semula berdasarkan perancangan tahunan

### Definisi Operasi:

Kurikulum program pengajian didefinisikan sebagai dokumen komprehensif yang memperincikan hasil pembelajaran, kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran (PdP) dan pentaksiran bagi sesuatu program pengajian peringkat sijil, pra-diploma, diploma dan sarjana muda di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Kurikulum program pengajian yang disemak semula merujuk kepada kurikulum peringkat program/kursus sedia ada yang melalui proses semak semula atau penambahbaikan. Kurikulum semak semula perlu diluluskan/diambil maklum pada Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian & Program Latihan Politeknik (MLK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti (JKIK) sebelum ianya boleh dilaksanakan di Politeknik dan Kolej Komuniti.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
80%	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

ITT: Institusi Tidak Terlibat

### Justifikasi:

Penentuan bilangan kurikulum kursus/program pengajian yang disemak semula (bagi mengira peratus sasaran KPI) yang dibentangkan pada MLK dan JKIK untuk kelulusan/pemakluman, adalah berdasarkan unjuran tahunan unit/bidang di Bahagian Kurikulum (BK), JPPKK.

### Kaedah Pengukuran:

Peratus pencapaian KPI ini dikira berdasarkan bilangan kurikulum kursus/program pengajian yang disemak semula yang diluluskan/dimaklumkan pada MLK dan JKIK, berbanding bilangan kurikulum kursus/program yang diunjurkan ke MLK/JKIK, didarab dengan seratus.

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus kurikulum yang telah disemak semula adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

*Numerator*: Bil. Kurikulum yang diluluskan/dimaklumkan pada MLK/JKIK

*Denominator*: Bil. Kurikulum yang diunjurkan ke MLK/JKIK

### Dokumen Bukti:

Rumusan daripada:

- i) Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian & Program Latihan Politeknik (MLK)
- ii) Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti (JKIK)

# KPI 17: BK

BAHAGIAN KURIKULUM

PELAPORAN:

JABATAN

TAHUNAN

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BK

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pemilik Proses di BK

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	50%	50%*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.



## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### Pernyataan KPI

Bilangan institusi yang dilawati untuk Penaziran Akademik (PeNA) dalam tahun semasa

### Definisi Operasi:

Penaziran Akademik (PeNA) didefinisikan sebagai proses lawatan ke Politeknik dan Kolej Komuniti bagi menilai status semasa pelaksanaan akademik yang melibatkan empat (4) skop berikut:

- i. Kurikulum
- ii. Instruksional
- iii. Peperiksaan dan penilaian
- iv. Jaminan kualiti

Tujuan PeNA adalah untuk penambahbaikan berterusan pengurusan akademik dan pelaksanaan PdP bagi memastikan kualiti akademik meningkat dan kekal cemerlang.

Sasaran PeNA adalah menilai pelaksanaan semua program pengajian di semua Politeknik dan Kolej Komuniti.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METRO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
20	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

BIT: Sebahagian Institusi Terlibat

### Justifikasi:

Penentuan bilangan berdasarkan jangkaan 20 buah institusi dilawati dalam tempoh 10 bulan bagi tahun 2022.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan institusi yang dilawati dalam tahun 2022.

### Dokumen Bukti:

Laporan Status Lawatan Penaziran Akademik (PeNA)

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BIPD

### Pegawai Bertanggungjawab:

Pemilik Proses di BIPD

# KPI 18: BIPD

BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	19
2020	-	20
2021	-	16*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### Pernyataan KPI

Bilangan slot Webinar TVET berfokuskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) TVET yang dilaksanakan secara dalam talian

### Definisi Operasi:

Slot webinar merupakan platform di mana perbincangan atau perkongsian topik mengikut tema seperti:

- i. Perkongsian kaedah instruksional menggunakan teknologi terkini
- ii. Perkongsian teknologi terkini daripada industri
- iii. Perkongsian ruang pembelajaran masa hadapan
- iv. Perkongsian pengajaran dan pembelajaran secara hibrid

Slot ini dihadiri oleh pakar-pakar industri dan teknologi pendidikan yang dijemput oleh pihak penganjur.

Sasaran perkongsian webinar adalah pensyarah dan pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
30	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT	ITT

Nota:

ITT: Institusi Tidak Terlibat

### Justifikasi:

Pelaksanaan webinar akan dibuat pada setiap permulaan semester. Maka, terdapat 30 slot webinar yang akan dilaksanakan.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan slot webinar yang dilaksanakan dalam tempoh masa sekurang-kurangnya 1 jam berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

### Dokumen Bukti:

Rumusan Slot Webinar

### Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BIPD

### Pegawai Bertanggungjawab:

Pemilik Proses di BIPD

# KPI 19: BIPD

BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL

PELAPORAN:

JABATAN

SUKUAN

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	2 siri (20 slot)	11 siri (82 slot)*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

### Pernyataan KPI

Bilangan pensyarah yang ditauliah sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRIP) mengikut program pengajian pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

PRIP merujuk kepada pensyarah yang berkemahiran dalam pembinaan item penilaian yang ditauliahkan oleh JPPKK; dilengkapi dengan kompetensi yang diperlukan dalam memenuhi syarat am yang ditetapkan.

KOMPETENSI	SYARAT
<p><b>PENGETAHUAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Outcome Based Education (OBE)                             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Outcome Based Assessment (OBA)</li> <li>ii. Constructive Alignment (CA)</li> <li>iii. Learning Domain (Cognitive (C), Psychomotor (P) , Affective (A))</li> <li>iv. Taksonomi Pembelajaran</li> <li>v. Analisis Hasil Pembelajaran (CLO dan PLO)</li> <li>vi. CQI (Continuous Quality Improvement)</li> </ol> </li> <li>2. Pembinaan Item Penilaian Berkualiti                             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Prinsip Penilaian Item</li> <li>ii. Pembinaan Item (dalam mencapai CLO yang disasarkan)</li> <li>iii. Item objektif &amp; subjektif</li> <li>iv. Peraturan pemarkahan (skema pemarkahan &amp; rubrik)</li> </ol> </li> </ol> <p><b>NILAI, SIKAP DAN PROFESIONALISME</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Berpengetahuan luas dalam bidang pengukuran dan penilaian</li> <li>ii. Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas</li> <li>iii. Berkepimpinan, berwibawa serta mengamalkan nilai-nilai murni dan positif</li> </ol>	<p><b>SYARAT AM:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempoh perkhidmatan 5 tahun</li> <li>2. PPPT Gred 44 dan ke atas</li> <li>3. Pensyarah bidang</li> </ol> <p>ATAU</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempoh perkhidmatan 10 tahun</li> <li>2. Pensyarah bidang</li> </ol> <p><b>SYARAT KHUSUS:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berkemampuan melaksanakan sesi latihan secara dalam talian</li> <li>2. Pernah memberi latihan dalam bidang berkaitan penilaian</li> </ol> <p><b>SYARAT KHAS:</b> (penawaran program baharu)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempoh perkhidmatan 1 tahun</li> <li>2. PPPT Gred 41 dan ke atas</li> <li>3. Pensyarah bidang</li> </ol> <p>*Sekiranya syarat am tidak dapat dipenuhi, maka rujuk syarat khas</p>

Pelantikan PRIP merujuk kepada kelayakan kompetensi seperti di atas dan pembuktian dokumen adalah seperti berikut:

- i. Surat lantikan PRIP oleh JPPKK.
- ii. Surat penyertaan kursus/latihan anjuran BPN.
- iii. Surat sebagai penceramah pembinaan item penilaian di institusi.
- iv. Laporan maklum balas peserta bengkel di institusi.

# KPI 20: BPN

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

PELAPORAN:

JABATAN

TAHUNAN

## Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
30	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT	BIT

Nota:

1. BIT: Sebahagian Institusi Terlibat
2. Institusi yang terlibat akan dimaklumkan oleh BPN

## Justifikasi:

Bilangan pertambahan PRIP adalah 30 orang setahun. Sasaran sehingga tahun 2025 adalah sebanyak 140 orang berdasarkan kepada program pengajian semasa yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti.

## Kaedah Pengukuran:

Bilangan PRIP adalah berdasarkan kepada bilangan program yang ditawarkan di institusi (1 program = 1 PRIP)

## Dokumen Bukti:

Laporan Maklumat dan Program PRIP

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Pemilik Proses di BPN

## Pegawai Bertanggungjawab:

Pemilik Proses di BPN

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	-	-
2020	-	-
2021	30	35*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

### Pernyataan KPI

Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

### Definisi Operasi:

Industri bermaksud organisasi luar selain Politeknik/Kolej Komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri/agensi dari luar negara.

Aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi merujuk kepada aktiviti usaha sama yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa, seperti berikut:

1. Program perkongsian ilmu oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat (pemimpin industri) yang dilantik oleh Menteri KPT melalui Program CEO@PolyCC.; atau,
2. Inisiatif menggunakan pendekatan *experiential learning*, *production based education and training*, *competency based training* atau *problem based education* dalam penghasilan produk atau pemberian perkhidmatan, seperti penubuhan *Industry Edu-Centre/WBL/industri* dalam kampus/kampus dalam industri; atau,
3. Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan, seperti *Teaching Factory/Inkubator*; atau,
4. Penajaan latihan tambahan/pensijilan industri/pensijilan profesional kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan industri/pensijilan profesional, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos ditanggung institusi; atau,
5. Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PdP/sumbangan peralatan memudahkan PdP/sumbangan peralatan umum/biasiswa/hadiah kecemerlangan pelajar/bantuan kewangan *one-off* pelajar atau pensyarah/perkongsian peralatan PdP/perkongsian peralatan memudahkan PdP/perkongsian peralatan umum/perkongsian tempat program; atau,
6. Latihan Industri Berstruktur, iaitu Latihan Industri (LI) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi:
  - a) Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan bersama penawaran pekerjaan sebaik tamat LI; atau,
  - b) Pelaksanaan latihan tambahan (*value added training*) sahaja kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan; atau,
  - c) Penawaran pekerjaan sahaja sebaik tamat LI; atau,
7. Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan merujuk kepada penawaran pekerjaan ke atas bakal graduan Politeknik/Kolej Komuniti dengan gaji permulaan mengikut kelayakan iaitu minima RM1,700 bagi lepasan sijil dan RM2,020 bagi lepasan Diploma; atau, (Sumber: Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Kedua (2020)
8. Research and Development (R&D) bersama industri yang melibatkan penghasilan produk/servis merujuk kepada kerjasama industri-institusi yang melibatkan R&D&I dan penghasilan produk; atau,
9. Kolaborasi melalui Dokumen Perjanjian (MoA/MoU) dan menjalankan sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti usaha sama atau pun mengadakan satu mesyuarat Joint Working Group (JWG); atau,
10. Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) baharu, iaitu, pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik/Kolej Komuniti yang dilantik pada tahun semasa sama ada sebagai lantikan baharu/penyambungan keahlian dan yang dilantik oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

# KPI 21: BKIK

BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
300	5	4	3	3	2	1

Nota:

1. Sasaran bagi PSS, PBU, PJK, PHT, PBT, PBD dan PTS adalah mengikut sasaran Politeknik METrO.
2. Sasaran bagi Kolej Komuniti Miri adalah mengikut sasaran Kolej Komuniti Kluster 3.

## Justifikasi:

Sasaran adalah berdasarkan kepada situasi semasa disebabkan kekangan untuk menjalankan program kolaborasi bersama industri. Program kolaborasi yang dilaksanakan perlu mematuhi SOP semasa yang sedang berkuat kuasa.

## Kaedah Pengukuran:

Pengukuran adalah berdasarkan pengiraan bilangan industri.

## Dokumen Bukti:

1. Laporan Program Kolaborasi (bagi Komponen 1 - 9)
2. Laporan Maklumat IAC dan sijil pelantikan IAC oleh Ketua Pengarah JPPKK (bagi Komponen 10)

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit CISEC

Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	400	578
2019	300	449
2020	150	323
2021	150	373*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan September 2021.



# KPI 22: BK & BKIK

BAHAGIAN KURIKULUM  
BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

### Pernyataan KPI

Bilangan penyertaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Bilangan penyertaan program PSH di Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa merujuk kepada kategori program PSH iaitu Formal, Bukan Formal dan Tidak Formal.

### Politeknik:

Kategori Peserta PSH

Kategori	Keterangan
Industri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyertaan dari industri, agensi awam, agensi swasta, NGO, badan profesional dan industri/agensi luar negara.</li><li>• Agensi awam atau kementerian selain dari Kementerian Pengajian Tinggi yang menggunakan peruntukan kerajaan boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li></ul>
Komuniti	<ul style="list-style-type: none"><li>• Masyarakat/orang awam</li></ul>
KSS	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar yang mengambil Kursus Secara Sambilan (KSS)</li></ul>
Pelajar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar sekolah dan IPTA/IPTS</li><li>• Penyertaan pelajar Politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pelajar Politeknik melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li></ul>
Pensyarah/staf	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyertaan dari pensyarah/staf Politeknik diambil kira sekiranya membayar yuran kursus PSH atau menyertai kursus PSH tanpa bayaran. Jika latihan pensyarah/staf melibatkan peruntukan latihan dari JPPKK/KPT tidak boleh dikira sebagai penyertaan PSH.</li></ul>

### Kolej Komuniti:

Penyertaan terbuka kepada semua Warganegara Malaysia

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
175,000	850	750	500	Sasaran penyertaan PSH bagi setiap Kolej Komuniti ditetapkan berdasarkan Kaedah Pengukuran. Sasaran setiap Kolej komuniti akan diedarkan pada Sukuan 1 tahun 2022.		

### Justifikasi:

**Politeknik:** Penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada trend pencapaian empat (4) tahun terdahulu.

# KPI 22: BK & BKIK

BAHAGIAN KURIKULUM  
BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

**Kolej Komuniti:** Penetapan sasaran adalah mengikut waran perjawatan PPPT DH, enrolmen pelajar sepenuh masa dan kapasiti ruang Kolej Komuniti pada Januari 2022 (kekal sehingga Disember 2022). Justifikasi sasaran adalah seperti berikut:

## Kategori A :

Enrolmen pelajar sepenuh masa berbanding kapasiti ruang bagi tahun 2021 tidak mencapai 100%

$$KPI = 50 \text{ penyertaan} \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% + \left( 100\% - \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% \right) \right)$$

## Kategori B :

Enrolmen pelajar sepenuh masa berbanding kapasiti ruang bagi tahun 2021 mencapai 100% tetapi tidak melebihi 200%

$$KPI = 50 \text{ penyertaan} \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% - \left( \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% - 100\% \right) \right)$$

## Kategori C :

Enrolmen pelajar sepenuh masa berbanding kapasiti ruang bagi tahun 2021 mencapai 200%

## Kategori D :

Nisbah enrolmen pelajar sepenuh masa kepada kapasiti ruang  $\times$  50 penyertaan  $\times$  waran PPPT kurang daripada 200 penyertaan

## Kategori E :

Kolej komuniti baharu yang hanya menjalankan PSH (tiada pengambilan pelajar sepenuh masa)

$$KPI = 50 \text{ penyertaan} \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% - \left( \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% - 100\% \right) \right)$$

Penetapan KPI minimum penyertaan PSH : 200 penyertaan

## Kategori F :

Kolej komuniti yang tiada enrolmen pelajar sepenuh masa pada tahun 2021

$$KPI = 50 \text{ penyertaan} \times \text{waran PPPT} \times \left( 100\% - \left( \frac{\text{enrolmen}}{\text{kapasiti}} \% - 100\% \right) \right)$$

Penambahan 20% sasaran penyertaan berdasarkan KPI PSH 2021

\*50 penyertaan: purata penyertaan bagi setiap PPPT DH di Kolej Komuniti dan sasaran penyertaan keseluruhan iaitu 150,000.

## Kaedah Pengukuran:

### Politeknik:

Penetapan bilangan penyertaan PSH adalah mengikut kategori Politeknik yang telah ditetapkan.

Sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah sasaran penyertaan PSH adalah bagi Program PSH bercirikan Revolusi Industri 4.0 (4IR). (Rujuk Perincian Program 4IR)

# KPI 22: BK & BKIK

BAHAGIAN KURIKULUM  
BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Kolej Komuniti:

Bilangan penyertaan PSH kolej komuniti adalah 150,000 dengan mengambil kira aktiviti/program berikut:

- a. Peserta PSH yang berjaya meningkatkan pendapatan:
  - i. Berdasarkan 2% daripada penyertaan PSH 21 tahun dan ke atas yang tidak bekerja. 2% daripada 15,000\*.
  - ii. Sasaran: 2% (300 peserta).
  - iii. Kaedah pengukuran adalah berdasarkan kriteria berikut:

Kolej Komuniti yang menawarkan program sepenuh masa SPP** :	6 peserta
Kolej Komuniti Kluster 1 :	4 peserta
Kolej Komuniti Kluster 2 :	3 peserta
Kolej Komuniti Kluster 3 :	2 peserta

Nota:

\*Asas populasi sasaran KPI ini adalah berdasarkan peserta yang berumur 21 tahun dan ke atas dan tidak bekerja. Secara purata berdasarkan data penyertaan program PSH 2019 dan 2020, sebanyak 15,000 peserta yang berada di bawah kategori ini.

\*\*SPP – Sijil Pengoperasian Perniagaan

- b. Peserta PSH yang menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan selepas mengikuti program/kursus PSH:
  - i. Berdasarkan 1% daripada penyertaan PSH dalam bidang Perniagaan dan Keusahawanan. 1% daripada 10,000\*.
  - ii. Sasaran: 1% (100 peserta).
  - iii. Kaedah pengukuran:

Kolej Komuniti yang menawarkan program sepenuh masa SPP :	2 peserta
Kolej Komuniti yang tiada program sepenuh masa SPP :	1 peserta

Nota:

\*Asas populasi bagi KPI ini adalah berdasarkan peserta yang menyertai program PSH di bawah kluster kemahiran Perniagaan dan Keusahawanan sahaja. Secara purata penyertaan dalam bidang ini bagi data tahun 2019 dan 2020 adalah 10,000.

- c. Program PSH bercirikan teknologi digital\*.
  - i. Pengukuran berdasarkan trend pencapaian bagi tiga (3) tahun terdahulu bagi kursus di bawah program 4IR.
  - ii. Sasaran: 1,000 program
  - iii. Kaedah pengukuran:

Kolej komuniti yang menawarkan program sepenuh masa STM** dan SSK*** :	20 program
Kolej Komuniti yang tiada program sepenuh masa STM dan SSK :	7 program

Nota:

\*Teknologi digital adalah peralatan elektronik, sistem, peranti dan sumber yang boleh menghasilkan, menyimpan dan memproses data seperti media sosial, permainan komputer, multimedia dan telefon bimbit. Antara program/kursus bercirikan teknologi digital adalah seperti pembangunan laman sesawang dan perniagaan dan keusahawanan e-dagang melalui aplikasi media sosial seperti Facebook Ads, Whatsapp for Business dan Shopee;

\*\*STM – Sijil Teknologi Maklumat

\*\*\*SSK – Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian

# KPI 22: BK & BKIK

BAHAGIAN KURIKULUM  
BAHAGIAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

- d. Program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan pihak luar.
- i. Program PSH yang dijalankan secara bekerjasama dengan pihak luar selain Kolej Komuniti seperti industri, agensi awam, agensi swasta, NGO, badan profesional dan industri/agensi luar negara memberi manfaat kepada program PSH, institusi dan komuniti. Antara skop kerjasama adalah seperti berikut:
- penglibatan peserta;
  - perkongsian ilmu dan kepakaran;
  - sumbangan/pemberian penajaan; dan
  - sumbangan atau perkongsian peralatan atau kemudahan
- ii. Sasaran: 500 kolaborasi
- iii. Kaedah pengukuran:
- |                          |   |           |
|--------------------------|---|-----------|
| Kolej Komuniti Kluster 1 | : | 7 program |
| Kolej Komuniti Kluster 2 | : | 6 program |
| Kolej Komuniti Kluster 3 | : | 5 program |
- e. Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)
- i. PISH merupakan inisiatif yang menggabungkan latihan kemahiran dan pendidikan agama Islam. Dua (2) aspirasi pernyataan Pelan Induk PISH 2017 – 2025 iaitu:
- semua pelajar tahfiz dan pondok perlu diberikan ilmu kemahiran TVET dan keusahawanan; dan
  - semua umat Islam mendapat peluang yang luas untuk mengikuti PISH.
- ii. Sasaran: 1,000 program
- iii. Kaedah pengukuran:
- |                          |   |            |
|--------------------------|---|------------|
| Kolej Komuniti Kluster 1 | : | 20 program |
| Kolej Komuniti Kluster 2 | : | 10 program |
| Kolej Komuniti Kluster 3 | : | 5 program  |

## Dokumen Bukti:

### Politeknik:

Laporan Pelaksanaan PSH Politeknik yang dijana daripada sistem ePSH.

### Kolej Komuniti:

Laporan pelaksanaan PSH kolej komuniti melalui Sistem ePSH oleh Unit PSH, Bahagian Kurikulum

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Politeknik: Penyelaras KPI di institusi

Kolej Komuniti: Pelaporan pelaksanaan oleh Pemilik Proses

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan.

Kolej Komuniti: Unit PSH (Ketua Unit PSH/Pensyarah PSH/Penyelaras PSH)

## Trend Pencapaian:

TAHUN	POLITEKNIK		KOLEJ KOMUNITI	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	25,000	31,476	200,000	238,581
2019	25,000	36,663	150,000	222,675
2020	12,500	27,571	80,000	118,455
2021	12,500	28,490*	75,000	123,980*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI

### Pernyataan KPI

Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni

### Definisi Operasi:

1. Alumni adalah merujuk kepada bekas pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Penglibatan sumbangan dari alumni yang juga adalah merupakan ahli Persatuan Alumni Politeknik/Kolej Komuniti berdaftar dalam aktiviti/program kembali secara alma mater kepada pelajar, institusi dan komuniti.
3. Program merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan oleh alumni bersama Persatuan Alumni yang melibatkan pelajar institusi dan pihak Jabatan/Politeknik/Kolej Komuniti.
4. Aktiviti merujuk kepada penglibatan alumni bersama Persatuan Alumni Berdaftar dalam penganjuran/pengelolaan/penyertaan serta apa-apa sumbangan (alma mater) kepada Politeknik/ Kolej Komuniti yang memberi kesan impak tinggi terutama kepada pelajar, institusi mahu pun komuniti mengikut kategori kluster.
5. Kategori kluster program merujuk kepada:
  - i) Kluster myAlumni Sport
  - ii) Kluster myAlumni TVET Academic
  - iii) Kluster myAlumni Lestari
  - iv) Kluster myAlumni Prihatin
  - v) Kluster myAlumni : Hari Bersama Persatuan
6. Sumbangan alma mater bermaksud sumbangan semula kepada institusi yang pernah menjadi tempat belajar seseorang dari aspek; pembangunan kemahiran seperti kewujudan peluang pekerjaan, khidmat panel penasihat, latihan, kebajikan, kerohanian, motivasi kaunseling (mentor mentee) dan membantu promosi ambilan pelajar serta dana sumbangan (*endowment*). Ia juga bagi menyokong peningkatan kebolehpasaran pelajar melalui data dan ikon alumni.
7. Setiap aktiviti ini perlu mempunyai laporan aktiviti dan hasil kajian keberkesanan.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
260	5	4	2	2	1	1

### Justifikasi:

Jumlah program/aktiviti ini adalah berdasarkan kepada kekuatan perhubungan alumni bersama pemerikasaan Persatuan Alumni berdaftar di institusi serta penambahan jumlah bilangan graduan (alumni) setiap tahun bagi melaksanakan program/aktiviti secara sumbangan semula (alma mater) kembali ke institusi mengikut kluster yang ditetapkan.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan program/aktiviti yang dianjurkan bersama alumni berdasarkan kluster program yang dinyatakan dalam Definisi Operasi.

# KPI 23: BAPP

BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

PELAPORAN:

INSTITUSI

SUKUAN

## Dokumen Bukti:

Laporan penuh program/aktiviti berserta laporan keberkesanan program yang mengandungi:

1. Tangkapan skrin/*screenshot* berkenaan penganjuran program/aktiviti melalui;
  - i. Media sosial rasmi Politeknik/Kolej Komuniti; atau
  - ii. Media cetak/media sosial rasmi Persatuan Alumni Institusi;
2. Dan salah satu daripada berikut:
  - i. Salinan Sijil Penghargaan kepada Alumni/Persatuan Alumni yang terlibat; atau
  - ii. Salinan Surat Jemputan kepada Alumni/Persatuan Alumni terlibat

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Perhubungan Alumni Politeknik

Kolej Komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA)/Penyelaras Alumni Kolej Komuniti

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	200	237
2019	220	360
2020	240	390
2021	-	76*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan November 2021.

## TERAS 6: MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### Pernyataan KPI

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu berimpak dan boleh dijadikan sumber rujukan ke arah penyelidikan TVET yang lebih mampan sekali gus menyumbang kepada transformasi Politeknik dan Kolej Komuniti. Antara hasil penyelidikan adalah merangkumi bidang Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Sains Sosial, Pengurusan, Keusahawan, Pendidikan, Sains Teknologi dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang diterbitkan pada tahun semasa.

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
620	21	17	3	3	2	1

Nota:

1. Sasaran bagi PBS, PBU, PHT, PJK, PKT, PMJ, PMK, PSS dan PTSN adalah 7 kertas penyelidikan.
2. Sasaran bagi PBD, PBT dan PTS adalah 3 kertas penyelidikan.

### Justifikasi:

Sasaran KPI ini merujuk kepada kategori Politeknik dan Kolej Komuniti.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa yang diterbitkan sama ada di dalam *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa.

Contoh kertas penyelidikan adalah seperti berikut:

- i. Concept Paper
- ii. Research Paper
- iii. Action Research

### Dokumen Bukti:

Dokumen bukti bagi satu (1) kertas penyelidikan penuh mestilah mengandungi perkara seperti berikut:

- a. Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa
- b. Muka depan *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding
- c. Maklumat kertas penyelidikan (Isi kandungan/No. ISBN/eISBN/ISSN/URL bagi terbitan secara dalam talian)

\*Sila muat naik dokumen bukti secara pakej (a+b+c).

Catatan:

1. Sekiranya berlaku perpindahan pensyarah dari satu institusi ke institusi yang lain. Kertas penyelidikan yang dimuat naik akan dikira di bawah institusi yang asal sebelum perpindahan.
2. Mohon penyelaras tidak memuat naik satu buku sama ada *digest* (penyelidikan)/jurnal/prosiding untuk tujuan dokumen bukti. Mohon penyelaras muat naik kertas penyelidikan milik pensyarah institusi masing-masing sahaja.

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

Kolej Komuniti: Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	-	-
2019	880	1,062
2020	226	686
2021	620	492*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan September 2021.



## TERAS 6: MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### Pernyataan KPI

Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa

### Definisi Operasi:

Bilangan produk inovasi sosial (penciptaan atau penambahbaikan) yang berjaya diaplikasikan (*solution provider*) dalam kalangan institusi atau di institusi luar pada tahun semasa.

Bilangan Inovasi penyampaian perkhidmatan yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat/komuniti/pelajar. Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur. Antaranya termasuklah, Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi; Budaya Kerja; Pengurusan Kewangan dan Aset; Pengurusan Perhubungan Pelanggan; Sistem Pengajaran dan Pembelajaran; Pengurusan Projek Pembangunan; dan Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada tahun semasa.

1. Dalam kalangan institusi: merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di Politeknik atau Kolej Komuniti lain. Contoh: Produk/perkhidmatan dihasilkan di Politeknik/Kolej Komuniti A, perlu diaplikasikan di Politeknik/Kolej Komuniti B
2. Institusi luar: merujuk kepada produk/perkhidmatan tersebut diaplikasikan di industri/agensi/jabatan/komuniti selain daripada Politeknik dan Kolej Komuniti

### Sasaran:

JPPKK	POLITEKNIK			KOLEJ KOMUNITI		
	PREMIER & APACC	KONVENSIONAL	METrO	KLUSTER 1	KLUSTER 2	KLUSTER 3
75	2	1	1	1	ITT	ITT

Nota:

ITT: Institusi Tidak Terlibat

### Justifikasi:

Pembangunan ekosistem inovasi boleh memacu pertumbuhan ekonomi negara selari dengan tuntutan perubahan teknologi. Politeknik dan Kolej Komuniti perlu meningkatkan momentum untuk membangunkan produk inovasi yang boleh diaplikasikan kepada industri/agensi/jabatan/komuniti.

### Kaedah Pengukuran:

Bilangan produk/perkhidmatan yang dihasilkan boleh diaplikasikan (*solution provider*) dan telah didaftarkan Perlindungan Harta Intelek oleh KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti pada tahun semasa.

Produk/perkhidmatan yang telah diaplikasikan dan didaftarkan perlindungan harta intelek pada tahun sebelumnya tidak boleh digunakan untuk tahun berikutnya.

## Dokumen Bukti:

1. Notis pemberitahuan Hak Cipta/*Copyright notification notice* atau Sijil pemfailan atau surat perlindungan harta intelek (paten/pembaharuan utiliti/hak cipta/cap dagangan/reka bentuk perindustrian/petunjuk geografi) atau carian dan pemfailan dalam talian MyIPO/MyIPO *online search and filing* pada tahun semasa.
2. Bukti Surat Pengesahan diaplikasi dari KPT/institusi/agensi/jabatan/komuniti berkaitan produk inovasi yang diaplikasi (*solution provider*) pada tahun semasa.

\*Sila muat naik dokumen bukti secara berasingan.

## Pelaporan melalui Sistem PERSIST:

Penyelaras KPI di institusi

## Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

Kolej Komuniti: Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK)

## Trend Pencapaian:

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN
2018	400	301
2019	72	97
2020	58	67
2021	58	35*

Nota:

\*Data pencapaian dikemas kini sehingga bulan September 2021.

# WAJARAN

NO	PERNYATAAN KPI	POLITEKNIK						KOLEJ KOMUNITI						JPPKK	Wajaran
		APACC / PREMIER	Wajaran	KONVENSIONAL	Wajaran	METRO	Wajaran	KLUSTER 1	Wajaran	KLUSTER 2	Wajaran	KLUSTER 3	Wajaran		
1	Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti	87%	10%	87%	10%	87%	10%	87%	10%	87%	12%	87%	12%	87%	4%
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	6%	8%	6%	8%	6%	8%	6%	8%	6%	8%	6%	8%	6%	4%
3	Bilangan pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan luar negara dalam program mobiliti													500	4%
4	Bilangan pelajar yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa													130	4%
5	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	5	8%	5	8%	3	8%	3	8%	2	8%	2	8%	350	4%
6	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa													60	4%
7	Peratus institusi yang mencapai skor kecemerlangan sekurang-kurangnya 85%													85%	4%
8	Purata skor yang dicapai hasil daripada Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) atau e-PK&K di institusi													80%	4%
9	Bilangan <i>Centre Of Technology</i> (COT) Politeknik diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%													7	4%
10	Peratus institusi yang mencapai <i>Overall Equipment Efficiency</i> (OEE) berdasarkan skor melebihi 85%													25%	4%
11	Bilangan kertas pertimbangan atau kertas makluman di peringkat kementerian atau kebangsaan													10	4%
12	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa	120	6%	100	6%	80	6%	120	6%	100	6%	80	6%	120	4%
13	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus	99%	8%	99%	8%	99%	8%	99%	8%	99%	8%	99%	8%	99	4%
14	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	95%	8%	95%	8%	95%	8%	95%	8%	95%	8%	95%	8%	95%	4%
15	Peratus prestasi perbelanjaan bagi watan Peruntukan Pembangunan (P64) yang disalurkan ke jabatan pada tahun semasa													90%	4%
16	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	35%	10%	35%	10%	35%	10%	35%	10%	35%	10%	35%	10%	35%	4%
17	Peratus kurikulum program pengajian yang disemak semula berdasarkan perancangan tahunan													80%	4%
18	Bilangan institusi yang dilawati untuk Penaziran Akademik (PeNA) dalam tahun semasa													20	4%
19	Bilangan slot Webinar TVET berfokuskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) TVET yang dilaksanakan secara dalam talian													30	4%
20	Bilangan pensyarah yang ditauliah sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRIP) mengikut program pengajian pada tahun semasa													30	4%
21	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	5	10%	4	10%	3	10%	3	10%	2	10%	1	10%	300	4%
22	Bilangan penyertaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa	850	8%	750	8%	500	8%	**	12%	**	14%	**	14%	175,000	4%
23	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	5	6%	4	6%	2	6%	2	6%	1	6%	1	6%	260	4%
24	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa	21	10%	17	10%	3	10%	3	10%	2	10%	1	10%	620	4%
25	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa	2	8%	1	8%	1	8%	1	4%					75	4%
			<u>100%</u>		<u>100%</u>		<u>100%</u>		<u>100%</u>		<u>100%</u>		<u>100%</u>		<u>100%</u>

Nota: \*\* Rujuk sasaran penyertaan PSH yang akan diedarkan pada Sukuan 1 tahun 2022.

# SIDANG REDAKSI

## **PENAUNG**

Ts. Zainab binti Ahmad

## **PENASIHAT**

Ts. Haji Mohamad Amin bin Hamat  
Ts. Abdul Razak bin Sabtu

## **PENGERUSI**

Siti Masliza binti Mohd Nawi

## **KETUA PENYUNTING**

Noorul 'Ain binti Md Shariff

## **PENYUNTING**

Md Idris bin Isa  
Nor Maisarah binti Ali @ Abdul Aziz  
Nor Adila Hanim binti Ab Kadir

## **PENULIS**

Akashah bin Arshad, Dr. Hanida binti Abdullah, Dr. Noreen binti Kamarudin, Dr. Siti Nor Afzan binti Buyadi, Farah Hida binti Mohiddin, Fareed bin Jaafar, Hazwani binti Hamdzah, Intan Maisarah binti Osman, Mahathir bin Johar, Mazlaine binti Husain, Md Idris bin Isa, Mohamad Ali bin Hamzah, Mohd Farizul Irni bin Ismail, Mohd Khusyairi Nakhouda bin Mohd Khalil, Mohd Syahizan bin Shahabani, Ngah Fadzilah binti Abdul Jalil, Noor Afziha binti Ngarisan, Nur Wahidah binti Harun, Nuraini binti Khalil, Nurizan binti Tahir, Siti Zubaidah binti Ibrahim, Sr. Asuralyza binti Saleh, Suriawati binti Mohd Fadzil, Wan Hartiny binti Wan Abdul, Wan Marina binti Wan Mohd Nowalid, Zunaidah binti Razali

## **PEMBACA PRUF**

Muraly Tharen a/l Rengasamy  
Tuty Farhida binti Sajat  
Shah Nazim bin Shahr  
Mohd Nizam bin Mat Isa

## **REKA BENTUK GRAFIK**

Md Idris bin Isa

# DAFTAR SINGKATAN

KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
TVET	Technical and Vocational Education and Training
APACC	Asia Pacific Accreditation and Certification Commission
CDIO	Conceive Design Implement Operate
CILT	Chartered Institute of Logistics and Transport
COT	Centre Of Technology
eSPKP	Sistem Pengukuran Kecekapan Prasarana
HRDF	Human Resources Development Fund
IAC	Industry Advisory Committee
iGFMAS	Integrated Government Financial Management and Accounting System
IMO	International Maritime Organization
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JKIK	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPI	Key Performance Indicator
LSI	Latihan Sangkutan Industri
MAMPU	Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit
MLK	Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian & Program Latihan Politeknik
NGO	Non Government Organization
OEE	Overall Equipment Efficiency
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PeNA	Penaziran Akademik
PISH	Pembelajaran Islam Sepanjang hayat
PK&K	Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan
PPPM 2015-2025 (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi)
PRIP	Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PSPKK	Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti
R&D	Research and Development
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
SIP	Sangkutan Industri Pensyarah
SIRIM	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia
WBL	Work Based Learning
WKB	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



## KAMUS KPI 2022

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4

62100 W.P. Putrajaya

T: 603 8888 2250 F: 603 8888 7211



<https://app.mypolycc.edu.my/persist>